

Ruj Kami : ANM.PK.D/600-2/5JLD1(55)  
Tarikh : 23 APRIL 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

**STATUS PEMANTAUAN PESANAN KERAJAAN/ TANGGUNGAN KONTRAK KERAJAAN DAN ARAHAN PEMBAYARAN YANG MASIH BELUM DISEMPURNAKAN BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31 MAC 2022**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, hasil semakan mendapati masih terdapat dokumen Pesanan Kerajaan (PO)/ Tanggungan Kontrak Kerajaan (CO) dan Arahan Pembayaran (AP) yang masih belum disempurnakan bagi tempoh 1 Januari 2022 sehingga 31 Mac 2022. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk memberikan perhatian yang serius dan memastikan kesemua **PO/ CO dan AP yang belum berstatus 80 dibuat pembayaran dengan kadar SEGERA.**

3. Sehubungan dengan itu, pihak PTJ yang terlibat perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- i. **Memastikan semua PO/ CO dan AP yang telah sempurna dibuat pembayaran, tertakluk kepada peraturan serta arahan yang berkuatkuasa;**
- ii. **Sekiranya senarai yang dikemukakan oleh Pejabat Perakaunan tiada di dalam Senarai Tugas Harian (STH) pegawai untuk tindakan, pihak PTJ perlu membuat semakan lanjut status dokumen di Portal iGFMAS; dan**
- iii. **Sekiranya didapati senarai dokumen tersebut masih tiada di status dokumen atau AP telah disempurnakan namun tiada nombor *Electronic Funds Transfer* (EFT) yang dijana, perkara ini hendaklah dilaporkan melalui *Service Desk* (log Solman).**

4. Adalah menjadi tanggungjawab PTJ untuk membuat pemantauan dan semakan bagi memastikan semua PO/ CO berstatus 80 serta Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (FRN-eP)/ (GRN-iGFMAS) diselesaikan sehingga ke AP (berstatus 80 dan nombor EFT telah dijana). Sekiranya terdapat PO/ CO yang tidak diperlukan atau (FRN-eP)/ (GRN-iGFMAS) yang telah dibuat pembayaran menggunakan Modul Arahan